

# ANALISIS SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM RAWATAN PEMULIHAN KETAGIHAN

**AN ANALYSIS OF SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW ON ISLAMIC  
PSYCHOSPIRITUAL APPROACHES IN ADDICTION REHABILITATION  
TREATMENT**

Amin Che Ahmat<sup>1</sup>  
Che Zarrina Sa`ari<sup>2\*</sup>  
Mohd Syukri Zainal Abidin<sup>3</sup>  
Izatul Akmar Ismail<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.  
(E-mail: 17033053@siswa.um.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.  
(E-mail : zarrina@um.edu.my)

<sup>3</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.  
(E-Mail: syukri1990@um.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani,  
Malaysia. (E-mail: izatulakmar@uitm.edu.my)

\*corresponding author

## Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

## To cite this document:

Ahmat, A. C., Sa`ari, C. Z., Abidin, M. S. Z., & Ismail, I. A. (2024). Analisis sorotan literatur sistematis pendekatan psikospiritual Islam dalam rawatan pemulihan ketagihan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 468 -486.

**Abstrak:** Ketagihan sering dikaitkan dengan kebergantungan terhadap bahan, tingkah laku atau aktiviti yang membahayakan diri pada sudut fizikal, mental, psikologi, sosial dan spiritual. Peningkatan masalah ketagihan berada pada tahap membimbangkan dan memerlukan kepelbagai pendekatan rawatan bersesuaian dengan kepercayaan dan budaya individu yang terlibat dengan proses pemulihan seperti pemberian ubat, psikoterapi dan kaunseling. Salah satu pendekatan yang dibicangkan dalam kajian-kajian lepas bagi pemulihan ketagihan adalah melalui kaedah rawatan psikospiritual Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan menghuraikan tema kajian dan perbincangan berkaitan masalah ketagihan di Malaysia. Kajian ini menganalisis artikel-artikel yang dikenalpasti menggunakan pendekatan systematic literature review (SLR) bermula dari tahun 2014 hingga 2024 menerusi pangkalan data Web of Science, Scopus dan Google Scholar. Selepas melalui fasa pemilihan dan pengecualian, sebanyak 17 artikel yang telah memenuhi objektif kajian. Kajian ini telah mengklasifikasi tiga tema berdasarkan sorotan kajian lepas iaitu konsep ketagihan, implikasi ketagihan, kaedah psikospiritual Islam dan ketagihan. Hasil kajian mendapat keperluan pelaksanaan rawatan ketagihan melalui pendekatan psikospiritual Islam dalam menangani masalah ketagihan sama ada usaha tersebut melibatkan peranan dari pihak kerajaan atau bukan kerajaan.

**Kata kunci:** *Ketagihan, rawatan, psikospiritual Islam*

**Abstract:** *Addiction is often associated with a person's dependence on substances, behaviours or activities that put their physical, mental, psychological, social and spiritual at risk. The increase in addiction is at a worrying stage and will necessarily require diverse treatment approaches such as medication, psychotherapy, counselling, and so on. Islamic psycho-spiritual treatment is one of the approaches for addiction recovery. Therefore, the purpose of this study aims to analyze the themes of the study and explore related to the problem of addiction in Malaysia. The study analysed articles identified using a Systematic Literature Review (SLR) approach between 2014 until 2024 through Web of Science, Scopus and Google Scholar databases. After going through the selection and exclusion phase, 17 articles have met the objectives of the study. The study has classified three themes based on the highlights of the study: the concept of addiction, the implications of addictions, Islamic psycho-spiritual methods and addiction. The results of the study found that there was a need to implement the treatment of addiction through Islamic psycho-spiritual approach whether the effort involved the role of the government or non-government.*

**Keywords:** *Addiction, treatment, Islamic psychospiritual*

## Pengenalan

Ketagihan merupakan masalah yang berlaku dalam masyarakat secara meluas, merentasi sempadan agama dan budaya. Ketagihan menyebabkan seseorang tidak dapat mengawal tingkah laku dan bergantung terhadap sesuatu bahan meskipun mengetahui perbuatan tersebut memberi kesan negatif kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Di Malaysia, pelbagai usaha berterusan dilaksanakan bermula pada awal tahun 1970 bagi menangani masalah ketagihan dari masa ke masa melibatkan pelbagai agensi merangkumi peringkat pencegahan, penguatkuasaan, pendakwaan dan pemulihan. Usaha-usaha ini semestinya memerlukan dana dan memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang (Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman, 2020). Salah satu pendekatan pencegahan dan pemulihan yang boleh dilaksanakan bagi membantu negara dalam mengurangkan masalah penagihan berulang dan menghadapi masalah ketagihan dalam bentuk baru era pemasaran media digital adalah menerusi kepelbagai pendekatan yang holistik khususnya melibatkan integrasi kepada nilai spiritual dan keagamaan. Pendekatan pencegahan dan pemulihan yang menumpukan pembangunan diri pada aspek spiritual berupaya memulihkan jiwa, memberi motivasi, memberi daya tahan dalaman secara berterusan dan pada masa yang sama dapat membantu mengurangkan kos (Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman, 2020).

Dalam konteks Islam, pendekatan rawatan ketagihan bukan sekadar untuk memulihkan gejala yang dialami terhadap aspek fizikal sahaja, tetapi merangkumi pemulihan pada aspek rohani. Pelbagai kaedah rawatan telah dicadangkan dan dilaksanakan, antaranya melalui pendekatan psikospiritual Islam. Psikospiritual Islam adalah satu kaedah rawatan yang komprehensif, tidak hanya membantu individu mengatasi ketagihan, tetapi juga memperkuatkan hubungan mereka dengan Allah SWT seterusnya meningkatkan kestabilan emosi (Ibrahim, Rahman & Azhar, 2021). Sa`ari & Borhan (2005) menjelaskan psikospiritual Islam adalah gabungan konsep ilmu psikologi dan spiritual manusia bersandarkan kepada sumber al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, amalan para salafus saleh dan ilmu yang berlandaskan syariat Islam. Dalam istilah yang lain, psikospiritual Islam yang turut dikenali sebagai psikologi spiritual (*spiritual*

*psychology*) atau *ilmu al-Ruh* atau *ilmu al-Nafs* yang dibina berdasarkan kerangka akidah, syariah dan akhlak. Walau bagaimanapun kajian yang menghuraikan pendekatan psikospiritual Islam dalam merawat masalah ketagihan adalah terhad. Oleh itu, kajian ini mengenalpasti artikel-artikel jurnal berkaitan yang menghuraikan pendekatan psikospiritual Islam dalam rawatan ketagihan.

### **Kaedah Kajian**

Kaedah yang digunakan bagi mengenalpasti artikel-artikel berkaitan adalah menggunakan pendekatan *systematic literature review (SLR)*. Antara proses-proses yang telah dilaksanakan adalah melalui fasa pengenalpastian (*identification*), fasa saringan (*screening*), fasa kelayakan (*eligibility*) dan fasa kemasukan (*included*).

#### **Fasa Pengenalpastian (*Identification*)**

Fasa pengenalpastian adalah proses untuk mengenal pasti artikel yang memfokuskan kepada perbincangan kaedah psikospiritual Islam dalam rawatan ketagihan. Oleh itu, fasa ini mengaplikasikan carian artikel melalui dua kata kunci iaitu pertama *addict\** AND (*Islam\** AND *psychospirit\**) dan kedua ketagihan AND (*psikospirit\** AND *Islam*) seperti Jadual 1. Dalam fasa pengenalpastian, sebanyak 1280 artikel yang terkumpul melalui pengkalan data Scopus, Web of Science dan Google Scholar.

**Jadual 1: Rentetan Carian (*The Search String*)**

<b>Scopus</b>	<i>addict*</i> AND ( <i>Islam*</i> AND <i>psychospirit*</i> ) ketagihan AND ( <i>psikospirit*</i> AND <i>Islam</i> ) Tarikh akses: Mac 2024
<b>Web of Science</b>	<i>addict*</i> AND ( <i>islam*</i> AND <i>psychospirit*</i> ) ketagihan AND ( <i>psikospirit*</i> AND <i>Islam</i> ) Tarikh akses: Mac 2024
<b>Google Scholar</b>	<i>addict*</i> AND ( <i>islam*</i> AND <i>psychospirit*</i> ) ketagihan AND ( <i>psikospirit*</i> AND <i>Islam</i> ) Tarikh akses: Mac 2024

Sumber : Hasil Carian Pengkaji

#### **Fasa Saringan (*Screening*)**

Setelah proses pengenalpastian dilakukan dengan dua kata kunci bagi setiap pengkalan data, maka artikel-artikel yang disenaraikan perlu disaring terlebih dahulu. Saringan pertama telah menyisihkan 1236 artikel kerana mengikut kriteria pemilihan seperti Jadual 2. Kriteria pemilihan artikel yang disorot hanya tertumpu kepada penulisan artikel dalam bahasa English dan Melayu antara tahun 2014 hingga 2024 dan artikel yang dipilih adalah artikel jurnal sahaja serta konteks kajian adalah di Malaysia seperti berikut:

**Jadual 2: Kriteria pemilihan (*The selection criterion*)**

<b>Kriteria</b>	<b>Termasuk</b>	<b>Terkecuali</b>
<b>Bahasa</b>	English dan Melayu	Selain English dan Melayu
<b>Tempoh Masa</b>	2014-2024	< 2014
<b>Jenis Artikel</b>	Artikel Jurnal	Buku, Bab, Buku, Prosiding Seminar
<b>Lokasi</b>	Malaysia	Selain Malaysia


Selepas melalui fasa saringan pertama, pengkaji mendapat terdapat 44 artikel jurnal. Saringan seterusnya dilakukan dengan menyisihkan artikel yang bertindih iaitu sebanyak 6 artikel jurnal. Penyisihan artikel ini menjadikan 38 artikel jurnal telah dikenalpasti dalam fasa kelayakan (*eligibility*).

### **Fasa Kelayakan (*Eligibility*)**

Dalam fasa kelayakan, pengkaji menyemak semua judul dan kandungan artikel secara teliti untuk memastikan bahawa artikel yang dipilih adalah berkaitan dengan objektif kajian. Artikel-artikel tersebut seterusnya disaring berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu mestilah bukan luar bidang, tajuk dan abstrak yang berkaitan serta skop kajian mestilah berkaitan psikospiritual Islam. Dalam fasa ini terdapat 21 artikel jurnal yang tidak bertepatan dengan objektif kajian dan disisihkan.

### **Fasa Kemasukan (*Eligibility*)**

Setelah semua saringan dilakukan, maka terdapat 17 artikel yang diterima untuk di lakukan analisa bagi menjawab objektif-objektif kajian. Berikut adalah ringkasan aliran PRISMA secara terperinci:



**Rajah 1 : Model PRISMA**

Sumber : Moher, Liberati, Tetzlaff, Altman (2009) ; Mustafa, Alias, Jamlos, Ismail & Alquran (2022)

## Dapatkan Hasil Kajian

**Jadual 3: Ringkasan dapatan artikel-artikel berkaitan dan terpilih.**

Bil	Nama Penulis dan Tahun	Tajuk artikel	Fokus Kajian
1.	Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim & Umudee (2024)	An Islamic Psychospiritual as Holistic Therapy for Online Gaming Addiction: Expert Perspectives: Islamic Psychospiritual, Online Gaming Addiction	Kajian ini menilai pandangan pakar kebolehgunaan pendekatan psikospiritual Islam sebagai terapi yang holistik bagi pemulihan ketagihan permainan atas talian. Kaedah psikospiritual Islam yang dicadangkan adalah menerusi pelaksanaan ibadah seperti solat, membaca al-Quran, zikir, doa, puasa, ihsan dan itqan.
2.	Saidin, Syed Abdurrahman, Salaeh, Mohd Amin, Syed Hassan dan Mohamed Yusoff (2023)	Terapi Psikospiritual dalam Rawatan Penagihan Dadah: Kajian Kes Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia.	Fokus kajian menumpukan kepada pemulihan ketagihan dadah di Malaysia. Kaedah pemulihan yang digunakan adalah menggunakan Terapi psikospiritual Islam mengikut Tariqat Qadiriyyah Naqsyabandiyah. Antara kaedah yang diterapkan adalah mandi taubat, detoktisifikasi, solat wajib dan sunat, amalan zikir, khotmamam (wirid), pengajian agama dan kelas kemahiran.
3.	Suhaimi, Mansor, Rekan, Jodi, & Abidin (2023)	Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan.	Kajian ini mengkaji fasa keperluan ketagihan digital menerusi sorotan literasi dan temubual pakar menggunakan kaedah metodologi DDR. Terdapat 39 artikel ditemui berdasarkan kepada tema psikospiritual dan penyakit fizikal, psikospiritual dan penyakit mental, psikospiritual dan penyakit rohani. Hasil kajian mendapati kaedah ketagihan pornografi dan seksual merupakan masalah membarah dalam masyarakat sehingga menyebabkan penyakit mental. Walau bagaimanapun kaedah rawatan alternatif berteraskan kepada psikospiritual Islam kurang dikaji oleh penyelidikan terdahulu berbanding kajian berkaitan masalah seperti ketagihan dadah, kemurungan, keimbangan dan buli siber.

4.	Abidin, Amin, Salaeh, Yusoff, & Fa'atin (2022)	The Practice of Islamic Psychospiritual Therapy in the Treatment of Drug Addiction at Rehabilitation Centres in Malaysia.	Kajian ini mendapati terapi psikologi Islam mengambil kira tiga konsep dan komponen utama iaitu <i>tazkiyah al-nafs</i> (pemurnian jiwa), pengukuhan atas pengetahuan agama dan sistem sokongan terapeutik.
5.	Osman, Japeri, Mohamad, & Adnan (2022)	Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Rawatan dan Pemulihan Dadah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam dan Tasawuf.	Kajian ini menghuraikan kepentingan penggunaan bahasa yang santun dalam kalangan perawat semasa rawatan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. Kaunselor, perawat dan individu hendaklah mengutamakan bahasa yang santun khususnya permohonan maaf dan saranan yang beradab. Pakar-pakar juga bersetuju bahawa penggunaan kata-kata makian yang boleh menyebabkan perbalahan perlu dikurangkan semasa rawatan.
6.	Ibrahim, Rahman, & Azhar (2021)	Pengamalan al-Tarīqah al-Šūfiyyah Sebagai Motivasi Spiritual Bagi Penagihan Dadah	Kajian ini mendapati bahawa elemen kerohanian dalam metodologi al-Tarīqah al-Šūfiyyah seperti yang digunakan oleh pengamal al-Tarīqah Qadiriyah wa Naqshabandiyah boleh menjadi alternatif atau pelengkap kepada rawatan pemulihan penagihan dadah sedia ada manusia. Tiga amalan utama yang menjadi peransang motivasi dan pembangunan sahsiah diri dalam rawatan penagihan dadah ialah mandi taubat, solat dan zikir.
7.	Azmi, & Wahab, (2020)	Keperluan Modul Latihan Pengukuhan Kepulihan Terhadap (Orang Kena Pengawasan-OKP) Berbantuan Latihan Psikospiritual dan Biofeedback.	Artikel ini menganalisis beberapa kajian lepas berkaitan pendekatan psikospiritual Islam dalam usaha membendung relaps dengan menggunakan metod kajian kepustakaan melalui teknik <i>systematic literature review</i> (SLR). Hasil kajian menunjukkan perlunya rawatan dan latihan berdasarkan psikospiritual Islam berdasarkan model <i>riyadah al-Nafs</i> Imam al-Ghazali.
8.	Sa'ari, Abidin, Ahmad, Rahman, Nordin, Muhsin, & Akib, (2020)	The Development of Islamic Psychospiritual Scale For Drug Addicts	Artikel ini membincangkan pembangunan instrumen skala Psikospiritual Islam (ZATIP) bagi penagih dadah untuk membantu mengukur tahap dan keadaan spiritual penagih dadah. Instrumen ini dibangunkan melalui fasa kesahan dan

			kebolehpercayaan melalui dua kaedah iaitu pertama, kaedah pengesahan pakar menggunakan kaedah temubual dan analisis kualitiatif berdasarkan tematik.
9.	Saari, Basirah, Muhsin, Syukri, Abidin, Mohammad & Ab Raman (2020)	Critical Review of Sufi Healing Therapy In Drug Addiction Treatment.	Artikel ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan teknik penyembuhan sufi terhadap rawatan penagihan dadah. Hasil kajian menunjukkan bahawa agama dan ajaran kerohanian khususnya teknik sufi merangkumi konsep takhalli, tahalli dan tajalli merupakan asas penting kepada pemuliharaan penagih dadah. Hasil kajian mendapati, Model Terapi Penyembuhan Sufi (SHT) merupakan model terapi yang diterima oleh peserta kajian.
10.	Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman (2020)	Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Psikospiritual Al-Ghazālī (W. 505 H.).	Kajian ini menghuraikan pendekatan spiritual dan keagamaan berteraskan psikospiritual Islam dari perspektif Imam al-Ghazālī bagi membina model pencegahan dadah melibatkan golongan berisiko. Secara umumnya konsep kejiwaan yang diterapkan dalam model pencegahan Imam al-Ghazali bermula dengan penghayatan nilai spiritual berteraskan pengukuhan akidah, penyempurnaan ibadah dan penyucian jiwa ( <i>tazkiyyah al-Nafs</i> ). Ketiga-tiga nilai spiritual ini mampu mengatasi faktor dan risiko berkaitan ketagihan dadah.
11.	Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman (2020)	Pencegahan Dadah Dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah.	Kajian ini mengkaji elemen psikospiritual Islam merangkumi kefahaman aspek akidah, peranan akidah membina daya tahan dan mencegah ketagihan dadah dalam kalangan remaja. Penghayatan akidah dan ketaatan kepada Allah dengan melaksanakan ibadah dan pengamalan nilai-nilai Islam berupaya membentuk faktor pencegah yang kukuh dalam diri remaja seterusnya menolak faktor risiko terlibat dengan ketagihan dadah.
12.	Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang, & Zakwan (2020)	Pendekatan Maqamat Abu Talib al-Makki (W. 386 H.) Dalam	Kajian ini mengkaji pendekatan psikospiritual Islam menurut Abu Talib al-Makki yang menerapkan aspek pengukuhan akidah, pengukuhan

		Pencegahan Dadah Golongan Berisiko.	spiritual menerusi pelaksanaan amal ibadah solat, zikir dan doa. Pendekatan Maqamat Abu Talin al-Makki berupaya membentuk strategi pencegahan, daya tahan dan faktor pelindung bagi melindungi golongan berisiko terdedah kepada faktor risiko ketagihan dadah. Terdapat sembilan maqamat yang diterapkan oleh Abu Talib al-Makki yang sesuai diaplikasi bagi pencegahan kepada ketagihan dadah iaitu bermula dengan maqam taubat, maqam sabar, maqam syukur, maqam berharap, maqam takut, maqam zuhud, maqam tawakkal, maqam reda dan maqam kecintaan.
13.	Azmi & Abdul Wahab (2019)	Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur	Membangunkan model pemulihan berdasarkan psikospiritual Islam bagi mendapat pemulihan yang holistik menerusi ciri-ciri kepulihan seperti memelihara keharmonian dengan ahli kelurga, kesejahteraan sosial, bertanggungjawab, penghayatan agama, melaksanakan aktiviti ekonomi dan menguruskan emosi kendiri.
14.	Shafie, Jailani, Elias, Miskam & Mahyuddin (2019)	The Effectiveness Of A Guided Repentance Module: A Qualitative Analysis Of Psycho Spiritual And Drug-Related Locus Of Control	Kajian kualitatif menerusi temubual dilaksanakan bagi menilai keberkesanan modul psikospiritual bagi mengelakkan berlakunya gejala pengulangan semula ketagihan dadah kerana hilang daya kawalan diri disebabkan pengaruh luaran dan dalaman. Kajian juga mendapati gejala penyalahgunaan dan penagihan dadah bukan hanya melibatkan faktor psikologi sahaja, tetapi turut melibatkan faktor spiritual dan keagamaan. Justeru, kaedah pemulihan melibatkan modul psikospiritual seperti <i>tazkiyyah al-nafs</i> dan pelaksanaan ibadah sangat penting dalam membantu pemulihan ketagihan.
15.	Ibrahim, Syed Abd, Rahman & Mohd Azhar (2018)	Adoption of Tarekat Qadiriyyah Wa Naqsyabandiyah (TQN) in Sufism as Psychospiritual	Kajian lapangan ini menilai keberkesanan pengamalan tarekat sufi Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah bagi membentuk kepulihan diri daripada ketagihan dadah dan arak.

		Treatment For Drug Addiction and Alcohol	Hasil kajian mendapati kaedah terapi menerusi amalan sufi seperti pelaksanaan ibadah solat, zikir, mandi taubat dan qiamullail berkesan memberi pemulihan dan daya tahan yang berterusan dari ketagihan.
16.	Shafie, Jailani, Miskam, Elias & Wahab (2018)	The Impact Of Integrated Psychospiritual Module Among The Drug Addicts In Malaysia In Elevating The Psychospiritual and Drug-related Locus Of Control Level Towards The Decrease Of Relapse Rate	Artikel ini menjalankan penyelidikan emperikal bagi mengukur keberkesanannya Modul Integrasi Psikospiritual Islam bagi mengurangkan gejala penagihan berulang (relaps) dalam kalangan penagih di Malaysia. Individu yang melalui Modul Integrasi Psikospiritual berupaya menyedari kemampuan diri mengenal tuhan, membina akhlak mulia, membina kemahiran diri dan sosial.
17.	Shafie, Miskam, Jailani, Mahyuddin, & Wahab (2018)	Instrumentation Of Psychospiritual Scale For Malaysian Drug Rehabilitation Centres	Artikel ini membincangkan penyelidikan bagi membangunkan skala pengukuran tahap psikospiritual penagih dadah yang diperakui sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan bagi tujuan pengukuran tahap psikospiritual. Item psikospiritual Islam tersebut adalah mengeEsakan Allah, penyerahan diri kepada Allah (tawakal), memelihara keinginan diri, pemurnian jiwa, memeliharaan hati, kejujuran, keikhlasan, tanggungjawab. Skala pengukuran yang diperakui ini dapat membantu proses rawatan pemulihan penagih beragama Islam dengan lebih berkesan.

Sumber: Sorotan Kajian Lepas.

### **Analisa dan Perbincangan**

Hasil saringan berdasarkan Model Prisma mendapati terdapat 17 artikel terpilih yang berkaitan dengan tajuk kajian. Analisa dilakukan menggunakan kaedah tematik atas tiga tema utama iaitu pertama membincangkan konsep ketagihan merangkumi definisi ketagihan dan faktor-faktor ketagihan, kedua membincangkan tema implikasi ketagihan dan ketiga membincangkan psikospiritual Islam dan ketagihan.

### **Konsep Ketagihan**

Secara ringkasnya terdapat lima belas artikel mengkaji berkaitan ketagihan dadah, satu artikel berkaitan ketagihan arak, satu artikel berkaitan pornografi dan satu artikel berkaitan

ketagihan permainan atas talian. Bagi memahami konteks ketagihan secara umumnya maka perlu difahami dengan teliti apakah definisi dan faktor-faktor ketagihan sepertiuraian berikut:

### Definisi ketagihan

Ketagihan dadah merupakan gangguan berulang yang bersifat kronik, di mana individu yang mengalaminya mempunyai dorongan kompulsif untuk menyalahgunakan dadah dan mengalami kehilangan kawalan diri semasa pengambilan bahan terlarang tersebut. Definisi ini konsisten dengan pandangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengklasifikasikan ketagihan dadah sebagai penyakit kronik yang mudah relaps, yang memberikan kesan langsung terhadap sistem saraf pusat manusia (Osman, Japeri, Mohamad, & Adnan, 2022). Dalam keadaan ini, individu yang terjebak dalam ketagihan sukar untuk pulih sepenuhnya dan mudah terjerumus kembali dalam penagihan selepas menjalani rawatan (Shafie, Jailani, Elias, Miskam & Mahyuddin, 2019). Keadaan ini disebut sebagai 'relapse' yang mempunyai dimensi konsep 'lapse' dan 'relapse', di mana 'lapse' merujuk kepada pelanggaran sementara kawalan diri, manakala 'relapse' adalah keadaan di mana individu kembali mengambil dadah secara berulang kerana ketagihan yang tidak dapat dikawal (Shafie, Jailani, Elias, Miskam & Mahyuddin, 2019).

Bagi ketagihan arak, meskipun kajian yang dilakukan oleh Shafie, Jailani, Miskam, Elias dan Wahab (2018) tidak secara khusus membincangkan ketagihan arak, ia dapat difahami dalam konteks ketagihan dadah, di mana ketagihan arak juga merupakan satu bentuk gangguan berulang yang bersifat kronik. Ketagihan arak melibatkan ketidakupayaan individu untuk mengawal pengambilan alkohol, walaupun menyedari kesan buruknya terhadap kesihatan, hubungan sosial, dan kehidupan harian. Sama seperti ketagihan dadah, individu yang mengalami ketagihan arak sering kali menghadapi cabaran dalam menahan diri dari pengambilan alkohol, yang boleh menyebabkan risiko pengulangan yang tinggi selepas menjalani rawatan.

Ketagihan pornografi pula merujuk kepada satu tabiat menonton bahan pornografi secara kerap sehingga menjadi sukar untuk dihentikan secara drastik. Ini adalah sejenis ketagihan tingkah laku (*behavioral addiction*) yang tidak melibatkan bahan fizikal tetapi tetap membawa kesan negatif yang signifikan. Individu yang ketagih kepada pornografi mengalami kesukaran untuk mengawal dorongan untuk menonton bahan-bahan tersebut, yang sering kali mengakibatkan kesan buruk terhadap hubungan peribadi dan kehidupan sehari-hari (Suhaime, Mansor, Rekan, Jodi, & Abidin, 2023). Ketagihan ini menyerupai ciri-ciri ketagihan bahan, dengan ketidakupayaan untuk menghentikan tingkah laku walaupun menyedari akibatnya.

Jenis ketagihan yang berikutnya adalah ketagihan permainan atas talian. Ketagihan permainan atas talian adalah satu lagi bentuk ketagihan tingkah laku di mana individu menunjukkan penggunaan yang kompulsif terhadap platform permainan dalam talian sehingga mengabaikan tanggungjawab harian. Ketagihan ini melibatkan penggunaan permainan dalam talian secara berulang dan bermasalah, yang akhirnya membawa kepada ketidakupayaan jangka panjang dalam mengawal tingkah laku bermain (Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim & Umudee, 2024). Ketagihan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan fizikal tetapi juga boleh menjelaskan kehidupan sosial dan akademik individu yang terlibat, menyebabkan pengabaian terhadap tugas dan tanggungjawab penting dalam kehidupan sehari-hari.

Secara umumnya, dapatlah difahami bahawa ketagihan merujuk kepada suatu bentuk kebergantungan, pengulangan dan penggunaan bahan atau bukan bahan secara berlebihan

disebabkan dorongan kompulsif sehingga menjelaskan kehidupan harian dan kesejahteraan diri pada aspek fizikal, psikologi dan mental meskipun disedari oleh individu terlibat.

### Faktor-faktor ketagihan

Ketagihan umumnya berlaku disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang mendorong seseorang individu sama ada melibatkan faktor dalaman maupun faktor luaran. Saidin, Syed Abdurrahman, Salaeh, Mohd Amin, Syed Hassan dan Mohamed Yusoff (2023) menekankan bahawa penglibatan seseorang dalam penyalahgunaan dadah sering kali berpunca daripada ketidakmampuan individu tersebut mengawal desakan dan aspek-aspek psikologi, emosi, dan nafsu yang berada dalam dirinya. Faktor ini disokong oleh kajian yang menyebut tekanan di tempat kerja, masalah peribadi, dan pengaruh rakan sebaya sebagai pemangkin ketagihan dadah (Ibrahim, Rahman, & Azhar, 2021). Selain itu, kekurangan sokongan psikospiritual selepas pemulihian juga dikenalpasti sebagai penyebab utama relaps atau ketagihan semula (Azmi & Wahab, 2020).

Begitu juga Shafie, Jailani, Elias, Miskam dan Mahyuddin (2019) senada menjelaskan faktor utama yang menyumbang kepada ketagihan dadah merangkumi ketidakmampuan mengawal emosi, kurangnya sokongan sosial, dan ketiadaan strategi pencegahan relaps yang berkesan. Faktor rohani dan keagamaan yang lemah juga sering dikaitkan dengan risiko ketagihan semula. Selain itu, kelemahan jati diri, keinginan untuk berseronok, tekanan jiwa, dan longgarnya pegangan agama sebagai faktor risiko utama penagihan dadah. Individu yang mengalami masalah ini juga sering kali berada dalam situasi tekanan hidup dan masalah keluarga yang tidak dapat ditangani dengan berkesan, menyebabkan mereka mencari jalan keluar melalui penyalahgunaan dadah (Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman, 2020).

Manakala untuk ketagihan pornografi, perkembangan teknologi moden telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketagihan pornografi. Akses mudah kepada bahan pornografi melalui teknologi moden juga merupakan faktor utama yang menyumbang kepada ketagihan ini dalam kalangan masyarakat. Teknologi telah membawa ketagihan ini ke tahap yang lebih serius dengan menjadikan bahan-bahan tersebut lebih mudah diakses dan dimanipulasi (Suhaime, Mansor, Rekan, Jodi, & Abidin, 2023).

Perkembangan teknologi moden juga turut menyumbang kepada ketagihan permainan atas talian. Menurut Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim dan Umudee (2024), beberapa faktor utama yang menyumbang kepada ketagihan permainan dalam talian termasuklah akses mudah kepada gajet dan internet serta visual dan grafik permainan yang menarik. Selain itu faktor lain termasuklah kurangnya kawalan dari ibu bapa, kekurangan kawalan diri, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media sosial dan kurangnya pemahaman agama. Pengaruh-pengaruh ini menyebabkan individu, terutamanya remaja, menjadi lebih mudah terjerumus dalam ketagihan permainan dalam talian yang kronik. Aspek ketagihan ini perlu diberikan penekanan kerana membawa kepada implikasi yang negatif bukan sahaja kepada individu khususnya malah masyarakat umumnya.

### Implikasi Ketagihan

Ketagihan dadah boleh memberikan implikasi yang luas termasuklah kepada diri individu itu sendiri, masyarakat dan juga negara. Kesan ketagihan boleh mempengaruhi kesihatan fizikal dan mental, hubungan keluarga yang terjejas, serta peningkatan risiko terlibat dalam kegiatan jenayah (Ibrahim, Rahman, & Azhar, 2021). Azmi dan Wahab (2020) menekankan ketagihan juga memberi implikasi negatif yang mendalam terhadap keluarga dan komuniti. Ia

meningkatkan kos rawatan dan pemulihan serta membawa kepada masalah sosial yang lebih besar seperti peningkatan jenayah dan masalah kesihatan mental. Ini juga disokong oleh Sa'ari, Abidin, Ahmad, Rahman, Nordin, Muhsin dan Akib (2020) bahawa ketagihan dadah menyebabkan beban kos yang tinggi kepada kerajaan untuk rawatan dan pemulihan serta boleh menyebabkan relaps selepas pemulihan, yang menjelaskan kualiti hidup individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Kesan ketagihan dadah kepada individu seperti dijelaskan oleh Ibrahim, Rahman dan Azhar (2021) termasuklah keperluan berterusan untuk mendapatkan bekalan dadah, yang disertai dengan gejala sakit fizikal seperti sakit pinggang yang teruk, serta masalah mental seperti tekanan perasaan apabila bekalan dadah terputus. Selain itu, individu yang ketagih dadah cenderung untuk mengalami perubahan sikap dan tingkah laku, seperti menjadi pemarah dan suka mengambil kesempatan ke atas orang lain, yang boleh menjelaskan hubungan sosial dan kehidupan sehari-hari mereka.

Kesan negatif kepada individu ini juga disokong oleh kajian Shafie, Jailani, Elias, Miskam dan Mahyuddin (2019) yang menjelaskan individu yang ketagihan dadah sering kali melibatkan keadaan emosi negatif seperti kemarahan, kekecewaan, dan tekanan yang boleh membawa kepada penggunaan semula bahan ketagihan. Pengawalan emosi yang lemah menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan seseorang kembali kepada ketagihan, yang biasanya disertai dengan perasaan kegelisahan, tekanan, dan kekosongan spiritual yang mendalam. Individu yang gagal mengisi kekosongan ini dengan nilai-nilai spiritual sering kali terjerumus kembali ke dalam kitaran ketagihan.

Begitu juga kesan ketagihan pornografi juga sama seperti ketagihan dadah yang mana boleh memberi implikasi yang mendalam terhadap keperibadian seseorang. Suhaimi, Mansor, Rekan, Jodi dan Abidin (2023) menekankan bahawa ketagihan pornografi mempunyai implikasi yang serius, walaupun kesannya tidak dapat dilihat dalam jangka masa yang singkat. Ketagihan ini mampu meragut ketenteraman hidup seseorang tanpa disedari dan secara perlahan-lahan menghakis keperibadian individu tersebut. Mereka yang ketagih pornografi sukar untuk mengawal diri, menunjukkan tindakan impulsif, dan sukar membezakan yang benar dan salah. Ketagihan ini juga boleh menyebabkan perubahan sikap yang mendadak, kesukaran berfikir secara rasional, dan ketidakmampuan menahan diri. Agama Islam melarang keras perbuatan yang berkaitan dengan pornografi kerana ia berdosa besar dan boleh menjadi cabang perbuatan zina dan maksiat. Oleh itu, terapi jiwa dan rohani yang disediakan oleh Islam adalah penting sebagai benteng pertahanan diri daripada perbuatan buruk seperti ini.

Begitu juga ketagihan permainan atas talian. Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim dan Umudee (2024) menyatakan bahawa ketagihan permainan dalam talian boleh membawa implikasi psikologi dan psikososial yang serius. Pemain mungkin mengalami masalah psikologi seperti kemurungan, kebimbangan, serta perubahan dalam corak rehat dan tidur, dan dalam kes yang lebih teruk, percubaan bunuh diri. Ketagihan ini juga diklasifikasikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2020) sebagai sejenis penyakit mental yang memerlukan perhatian serius. Ketagihan ini boleh menyebabkan pengabaian tanggungjawab harian, pengabaian spiritual seperti solat, dan perubahan dalam corak pemakanan, di mana individu mungkin melupakan makan atau hanya makan makanan ringan sahaja. Mereka yang ketagihan permainan atas talian juga mempunyai masalah ketidakmampuan untuk bersosial, di mana individu yang ketagih cenderung untuk lebih banyak berinteraksi dengan skrin berbanding dengan orang lain, yang akhirnya mengurangkan komunikasi sosial dalam jangka masa panjang. Selain itu, individu

tersebut sering mengalami ketidakmampuan mengawal emosi, merasa sedih, resah, dan bosan apabila tidak dapat bermain, dan mereka menggunakan permainan sebagai medium untuk meluahkan perasaan. Ketidakmampuan untuk mengawal masa juga merupakan simptom yang ketara, di mana individu sukar menguruskan masa mereka, mengabaikan aktiviti sosial, rekreasi, dan keseimbangan dalam kehidupan sehari-hari. Walaupun menyedari kesan negatif yang mungkin berlaku, individu yang ketagih masih tidak mampu mengurangkan kadar masa bermain permainan dalam talian dan kurang mampu mengawal diri daripada keterlibatan yang berlebihan.

Justeru, ketagihan memberi implikasi yang serius kepada individu, masyarakat dan negara. Bagi membendung gejala ketagihan tersebut, maka kajian-kajian lepas menyarankan terdapat keperluan untuk menerapkan kepelbagaiannya kaedah terapi seperti kaedah berasaskan psikospiritual Islam. Kaedah yang pelbagai ini sangat perlu dibangunkan agar sesuai dengan budaya dan kepercayaan individu yang melalui proses pemulihan dan mengelakkan berlaku gejala penagihan berulang (relaps).

### **Psikospiritual Dalam Rawatan Pemulihan Ketagihan**

Antara salah satu intervensi rawatan ketagihan yang dicadangkan adalah melalui kaedah psikospiritual Islam. Menerusi dimensi kesembuhan holistik berteraskan psikospiritual Islam, individu yang mengalami ketagihan bukan hanya mencapai pemulihan pada aspek fizikal, tetapi juga penyembuhan rohani yang mendalam, membawa kepada kehidupan yang lebih bermakna berlandaskan nilai keagamaan dan spiritual seterusnya mengelakkan berlakunya risiko penagihan berulang (*replaps*) (Azmi & Wahab, 2019). Atas dasar itu, pemulihan berdasarkan model psikospiritual Islam merupakan salah satu kaedah yang sesuai bagi mengekalkan kepulihan dari ketagihan secara konsisten meskipun berhadapan dengan cabaran luaran dan cabaran dalaman selepas pulih (Akib, Yahya, Ishak, Zabidi, Sa'ari, Muhsin & Ellias, 2023).

Psikospiritual Islam adalah merupakan gabungan dua konsep utama iaitu psikologi dan spiritual, yang merujuk kepada kajian proses mental serta pemikiran spiritual dari perspektif Islam. Psikospiritual Islam bertujuan untuk merawat jiwa dengan memberi penekanan kepada aspek spiritual, mental, perasaan, dan tingkah laku yang selaras dengan ajaran Islam, al-Quran, dan hadis. Pendekatan ini menekankan kaedah penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) sebagai jalan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Saidin, Syed Abdurrahman, Salaeh, Mohd Amin, Syed Hassan dan Mohamed Yusoff, 2023; Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim & Umudee, 2024).

Menurut Jailani dan Osman (2015) rawatan ketagihan secara integrasi melalui pendekatan psikospiritual Islam tidak tertumpu hanya kepada aspek ritual keagamaan sahaja, tetapi merangkumi setiap aspek diri dan aktiviti kehidupan menjadi medium rehabilitasi bagi pelbagai jenis ketagihan. Terapi psikospiritual bersifat menyeluruh kerana memelihara fitrah diri manusia dalam menjaga hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan alam. Pengabaian dalam menjaga salah satu hubungan tersebut menyebabkan fitrah manusia tidak sejahtera dan seimbang pada sudut psikologi, spiritual dan fizikal seterusnya mendorong melakukan perlakuan bercanggah dengan akhlak Islam seperti ketagihan bahan dan tingkah laku.

Pendekatan psikospiritual Islam terbukti dalam merawat masalah ketagihan. Sebagai contohnya, rawatan ketagihan dadah melalui pendekatan psikospiritual Islam dengan menggunakan kaedah *Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyah* (TQN) yang dilaksanakan di

Pondok Remaja Inabah 1 terbukti memulihkan remaja dari masalah ketagihan dan ketagihan berulang (Sudirman, 2009; Ibrahim, Syed Abd, Rahman & Mohd Azhar, 2018; Ibrahim, Rahman, & Azhar, 2021; Saidin, Syed Abdurrahman, Salaeh, Mohd Amin, Syed Hassan dan Mohamed Yusoff, 2023). Kaedah ini merangkumi tiga amalan utama iaitu mandi taubat, solat, dan zikir. Mandi taubat dilakukan setiap pagi selama 40 hari berturut-turut, solat fardu dan sunat yang intensif dilakukan setiap hari, dan zikir dijalankan secara *jahar* dan *khafi*. Semua amalan ini bertujuan untuk memberikan ketenangan jiwa dan menghilangkan ketagihan (Ibrahim, Syed Abd, Rahman & Mohd Azhar, 2018; Ibrahim, Rahman, & Azhar, 2021).

Kaedah ini juga selari dengan kajian oleh Azmi dan Wahab (2019; 2020) yang menekankan pentingnya kaedah psikospiritual Islam dalam pemulihan ketagihan dadah, khususnya melalui pendekatan *riyadah al-Nafs* yang berdasarkan ajaran al-Ghazali. Kaedah ini melibatkan latihan jiwa seperti zikir, solat, dan doa, yang bertujuan untuk memantapkan kerohanian individu dan mengukuhkan kepulihan. Latihan ini juga disokong dengan penggunaan teknologi biofeedback untuk mengukur dan memperbaiki perubahan psikofisiologi individu. Kepentingan integrasi kaedah psikospiritual Islam dan biofeedback bertujuan mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan kaedah tersebut.

Selain itu, Saidin, Syed Abdurrahman, Salaeh, Mohd Amin, Syed Hassan dan Mohamed Yusoff (2023) juga mencadangkan Terapi Psiko Spiritual (TPS) yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian yang menjadikannya sebagai satu kaedah perawatan jiwa dan spiritual yang berlandaskan aspek ketuhanan. Kaedah ini menekankan aspek ketuhanan, berdasarkan ajaran Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah, serta amalan para salafus soleh yang sejajar dengan syariat Islam. TPS ini termasuk pelbagai terapi seperti mandi taubat, detoksifikasi, solat wajib dan sunat, amalan zikir dari *Thoriqot Qadiriyah Wan Naqsabandiyah (TQN)*, serta kelas pengajian agama dan kemahiran, yang kesemuanya bertujuan memperbaiki jiwa dan spiritual individu yang terlibat.

Kajian oleh Osman, Japeri, Mohamad dan Adnan (2022) pula mendapati selain unsur psikologi dan kerohanian melalui penekanan ibadah seperti solat, zikir, puasa, dan aktiviti berjemaah, amalan kesantunan bahasa juga yang membantu pelatih kekal pulih daripada ketagihan. Amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi oleh perawat juga memainkan peranan penting dalam rawatan ketagihan dengan mengutamakan ujaran yang lembut, sopan, dan beradab.

Saari, Basirah, Muhsin, Syukri, Abidin, Mohammad & Ab Raman (2020) pula mengkaji rawatan ketagihan dadah menggunakan teknik penyembuhan sufi (*Tibb al-Sufi*) yang merupakan pendekatan yang semakin diterima selain daripada kaedah pemulihan konvensional yang sedia ada seperti *Therapeutic Community* (TC), *Methadone Maintenance* (MM) dan *Outside Patient Drug Free* (OPDF). Ini kerana rawatan-rawatan moden sedia ada memerlukan ruang untuk penambahbaikan dan tumpuan memandangkan kadar pengulangan penagihan di Malaysia masih dianggap tinggi sehingga kini. Memandangkan penyalahgunaan dadah adalah penyakit bio-psiko-sosio-rohani, Saari et al (2020) memperkenalkan Model Terapi Penyembuhan Sufi (*Sufi Healing Therapy - SHT*), yang merangkumi gabungan amalan-amalan Sufi seperti terapi ketuhanan, terapi ibadah, dan terapi tasawuf. Teknik-teknik ini berasaskan kepada al-Quran dan Sunnah, serta amalan tokoh-tokoh Sufi terkenal. Terapi ini bertujuan untuk memperkuatkan iman, memurnikan niat, dan meletakkan kebergantungan kepada Allah dalam usaha memulihkan penagih dadah.

Penekanan kepada rawatan ketagihan dadah melalui psikospiritual Islam juga ditekankan kerana menurut kajian oleh Wazir, Usman, Salleh, Sudi, Awang dan Rosman (2020) mendapati antara faktor pelindung dari pencegahan dadah terhadap golongan yang berisiko adalah pengukuhan akidah, ibadah, pembersihan sifat mazmudah dan penerapan sifat mahmudah. Oleh itu, pendekatan psikospiritual Islam berdasarkan konsep tasawuf oleh Imam al-Ghazali dicadangkan sebagai satu kaedah pencegahan dan rawatan yang efektif. Pendekatan ini menekankan penyucian jiwa, pengukuhan akidah, dan pelaksanaan ibadah untuk membina benteng rohani yang kuat. Elemen-elemen seperti akidah, ibadah, pembersihan sifat mazmumah, dan sifat mahmudah diintegrasikan sebagai faktor pelindung terhadap ketagihan.

Selain pendekatan Imam al-Ghazali yang merupakan tokoh yang menjadi rujukan dalam aspek psikospiritual Islam, pendekatan oleh Abu Talib al-Makki juga dirujuk oleh sarjana-sarjana kontemporari. Kajian oleh Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang dan Zakwan (2020) mendapati pendekatan Abu Talib al-Makki mengandungi faktor pelindung pegangan agama, daya tahan, jati diri, penghargaan, pengharapan, bersyukur, berdikari, tujuan hidup dan kasih sayang. Pengkaji juga menghuraikan gagasan pemikiran Abu Talib al-Makki berkenaan tasawuf berdasarkan maqamat (peringkat-peringkat kerohanian). Pendekatan ini termasuk tiga peringkat utama terapi: terapi penerimaan dan penyerahan diri kepada Allah SWT, terapi latihan dan didikan kejiwaan, serta terapi pemantapan jiwa dan istiqamah. Setiap peringkat ini bertujuan untuk membina jati diri, daya tahan, dan kasih sayang kepada Allah SWT, sekaligus menjadi faktor pelindung yang dapat mengatasi faktor risiko ketagihan dadah.


Kajian oleh Shafie, Jailani, Miskam, Elias dan Wahab (2018) pula memperkenalkan “*Integrated Psychospiritual Module (IPM)*” iaitu skala psikospiritual yang dibangunkan untuk digunakan di pusat pemulihan dadah di Malaysia. Skala ini mengukur enam domain utama: keimanan kepada Allah, penyerahan diri kepada Allah, pengekangan nafsu, penyucian jiwa, ketenangan hati, dan pengamalan akhlak terpuji. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkuatkan aspek rohani individu dan membina daya tahan terhadap ketagihan dadah melalui amalan-amalan spiritual yang berasaskan ajaran Islam.

Shafie, Jailani, Elias, Miskam dan Mahyuddin (2019) juga memperkenalkan “*Guided Repentance Module*”. Kajian ini menggabungkan prinsip-prinsip tasawuf Islam dengan elemen-elemen psikospiritual untuk membantu penagih dadah dalam proses pemulihan. Modul ini menekankan penguatan iman kepada Tuhan, kawalan diri, emulasi akhlak Rasulullah SAW, dan peningkatan kefahaman tentang syurga dan neraka sebagai cara untuk mencegah relaps dan mengekalkan kepulihan.

Oleh kerana kebanyakan kajian menekankan pelaksanaan psikospiritual Islam yang merupakan pendekatan dalam rawatan ketagihan dadah, jelaslah aspek spiritual sangat penting dalam kehidupan individu. Oleh itu, Sa'ari, Abidin, Ahmad, Rahman, Nordin, Muhsin dan Akib (2020) telah memperkenalkan Skala Psikospiritual Islam (ZATIP) yang dibangunkan untuk mengukur tahap spiritualiti penagih dadah. Skala ini merangkumi beberapa elemen seperti keimanan kepada Allah SWT, kepatuhan kepada perintah Allah SWT, dan latihan rohani seperti zikir dan solat. Pendekatan psikospiritual ini didasarkan kepada ajaran Tasawuf yang bertujuan untuk memperkuatkan rohani dan memperbaiki keadaan spiritual individu. Tujuannya boleh digunakan untuk mengukur perubahan rohani sebelum dan selepas intervensi psikospiritual Islam bagi menilai perubahan rohani penagih dadah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pendekatan psikospiritual didapati turut bersesuaian untuk menjadi salah satu rawatan ketagihan selain dadah iaitu ketagihan permainan atas talian dan ketagihan pornografi. Antara pendekatan psikospiritual Islam yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ketagihan permainan dalam talian merangkumi pelaksanaan dan pemeliharaan ibadah asas (menjaga solat, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, dan berpuasa), konsep ihsan (merasa bahawa Allah sedang mengawasi dan berusaha melakukan yang terbaik dalam setiap amalan), *konsep itqan* (menanam disiplin dan tekad untuk melawan kehendak nafsu sehingga dapat mengawal ketagihan), dan konsep sukan Islam (melibatkan diri dalam sukan yang disarankan oleh Nabi seperti memanah, berenang, dan menunggang kuda sebagai cara untuk mengisi masa dengan aktiviti yang bermanfaat). Ini kerana ketagihan permainan dalam talian adalah gangguan kawalan dalaman (rohani) manusia terhadap permainan. Oleh itu, pakar mencadangkan pendekatan psikospiritual Islam sebagai salah satu alternatif untuk menanganinya (Lukman, Ali, Noor, Ismail, Hashim & Umudee, 2024).

Hasil kajian oleh Suhaime, Mansor, Rekan, Jodi, dan Abidin (2023) turut mendapati ketagihan pornografi dan seksual merupakan masalah membarah dalam masyarakat sehingga menyebabkan penyakit mental. Namun, kaedah rawatan alternatif berteraskan kepada psikospiritual Islam kurang dikaji oleh penyelidik terdahulu berbanding kajian berkaitan masalah ketagihan dadah, kemurungan, kebimbangan dan buli siber. Kajian ini mencadangkan keperluan pembangunan model rawatan ketagihan pornografi melalui pendekatan psikospiritual Islam. Justeru menerusi analisis sorotan kajian literatur mengenai pendekatan psikospiritual Islam dalam rawatan pemulihan, maka kajian ini merumuskan suatu kerangka konseptual seperti di bawah.



**Rajah 2: Kerangka Konseptual Pemulihan Ketagihan berdasarkan pendekatan Psikospiritual Islam**

Sumber: Sorotan Kajian Lepas

### Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa ketagihan dadah, arak, pornografi, dan permainan atas talian mempunyai implikasi negatif mendalam terhadap kehidupan individu dan masyarakat. Walaupun pelbagai pendekatan pemulihan telah dicadangkan dan dilaksanakan, terdapat kekurangan kajian yang mendalam terhadap pendekatan psikospiritual Islam dalam menangani ketagihan selain daripada dadah, seperti ketagihan permainan atas talian dan pornografi. Pendekatan psikospiritual Islam merangkumi aspek spiritual, mental, dan tingkah laku, telah terbukti berkesan dalam rawatan ketagihan dadah, namun aplikasinya terhadap rawatan dalam bentuk ketagihan lain masih memerlukan usaha penyelidikan yang lebih lanjut.

### Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 1/2019, Kod Penyelidikan: FRGS/1/2019/SSI03/UITM/03/4 bertajuk Model Intervensi Spiritual Islam Terhadap Ketagihan Digital Era Pemusatan Media.

## Rujukan

- Abidin, M. S. A. Z., Amin, M. Z. M., Salaeh, A., Yusoff, W. F. Z. W., & Fa'atin, S. (2022). The Practice of Islamic Psychospiritual Therapy in the Treatment of Drug Addiction at Rehabilitation Centres in Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 24(2), 143-168.
- Akib, M. M. M., Yahya, N. S. M., Ishak, H., Zabidi, A. F. M., Sa'ari, C. Z., Muhsin, S. B. S., & Ellias, M. S. (2023). Masalah Spiritual Remaja Berisiko Dari Sudut Pandang Psikospiritual Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 9(2), 1-13.
- Azmi, M. H. B., & Abdul Wahab, M. N. (2019). Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, (1), 74-88.
- Azmi, M. H., & Wahab, M. N. A. (2020). Keperluan Modul Latihan Pengukuhan Kepulihan Terhadap (Orang Kena Pengawasan-Okp) Berbantuan Latihan Psikospiritual dan Biofeedback. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 65–71.
- Ibrahim, N., Rahman, S. M. H. S. A., & Azhar, M. H. M. (2018). Adoption of Tarekat Qadiriyah Wa Naqsyabandiyah (TQN) In Sufism as Psychospiritual Treatment For Drug Addiction and Alcohol. *Jurnal Qalbu* 5, 163-189.
- Ibrahim, N., Rahman, S. M. H. S. A., & Azhar, M. H. M. (2021). Pengamalan al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah Sebagai Motivasi Spiritual Bagi Penagihan Dadah. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 129-150.
- Lukman, M. D. R. Q., Ali, Z., Noor, A. M., Ismail, N., Hashim, N., & Umudee, M. (2024). An Islamic Psychospiritual as Holistic Therapy for Online Gaming Addiction: Expert Perspectives: Islamic Psychospiritual, Online Gaming Addiction. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 9(28), 193-199.
- Jailani, M. R. M., & Osman, A. B. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). In *Proceeding International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*, 98-109.
- Mohd Jodi & Mansor. (2019). Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Islamiyat* 41(1) , 59-68.
- Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, Altman D (2009). Preferred Reporting Items For Systematic Reviews And Metaanalyses: The PRISMA Statement. *PLoS Medicine* 6: 1–6.
- Mustafa, W. A., Alias, N. A., Jamlos, M. A., Ismail, S., & Alquran, H. (2022). A recent systematic review of cervical cancer diagnosis: detection and classification. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 28(1), 81-96.
- Osman, K., Japeri, M. F. M., Mohamad, A. D., & Adnan, M. A. M. (2022). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Rawatan dan Pemulihan Dadah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam dan Tasawuf. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 237-248.
- Sa'ari, C.Z, & Borhan, J.T (2005), "Psikospiritual dan Metodologi Pengaplikasiannya Dalam Kehidupan," *Koleksi kertas Kerja Isu Semasa Menghurai Permasalah Islam Semasa*, Siri 4. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 63-84.
- Sa'ari, C. Z., Abidin, M. S. Z., Ahmad, S. S. H., Rahman, S. M. H. S. A., Nordin, M. K. N. C., Muhsin, S. B. S., & Akib, M. M. M. (2020). The Development Of Islamic Psychospiritual Scale For Drug Addicts. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 22(2), 279-312.
- Saari, C. Z., Basirah, S., Muhsin, S., Syukri, M., Abidin, Z., Mohammad, S., ... & Ab Raman, Z. B. (2020). Critical Review Of Sufi Healing Therapy In Drug Addiction Treatment. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 1155-1160.
- Saidin, M., Syed Abdurrahman, S. M. C., Salaeh, A., Mohd Amin, M. Z., Syed Hassan, S. N., & Mohamed Yusoff, A. (2023). Terapi psikospiritual dalam rawatan penagihan dadah:

- Kajian Kes Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 544 – 560.
- Shafie, A. A. H. B., Miskam, N. A. B. A., Jailani, M. R. B. M., Mahyuddin, M. K. B., & Wahab, H. B. A. (2018). Instrumentation Of Psychospiritual Scale For Malaysian Drug Rehabilitation Centres. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 633-648.
- Shafie, A. A. H. B., Jailani, M. R. B. M., Miskam, N. A. B. A., Elias, F. A. B., & Wahab, H. B. A. (2018). The Impact Of Integrated Psychospiritual Module Among The Drug Addicts In Malaysia In Elevating The Psychospiritual And Drug-related Locus Of Control Level Towards The Decrease Of Relapse Rate. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 299-317.
- Shafie, A. A. H., Jailani, M. R. M., Elias, N. F. A., Miskam, N. A. A., & Mahyuddin, M. K. (2019). The Effectiveness Of A Guided Repentance Module: A Qualitative Analysis Of Psycho Spiritual and Drug-Related Locus Of Control. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 214-228.
- Sudirman, A. F. (2009). *Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu*. Tesis Doktor Falsafah. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Suhaimi, A. N. M., Mansor, N. H., Rekan, A. A., Jodi, K. H. M., & Abidin, M. S. Z. (2023). Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(1), 253-290.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Psikospiritual Al-Ghazālī (W. 505 H.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 391-403.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan Dadah Dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah. *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415-424.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Zakwan, R. S. (2020). Pendekatan Maqāmāt Abū Ṭālib Al-Makkī (W. 386 H.) Dalam Pencegahan Dadah Golongan Berisiko. *HADIS*, 10(20), 285-296.